

**Wakil Rakyat Bn Sedia Turun Padang Dedah Kelemahan Belanjawan Pembangkang Bernama  
11 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) hari ini berkata mereka akan turun padang untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai apa yang disifatkan sebagai penipuan yang terkandung dalam belanjawan alternatif pihak pembangkang.

Dalam satu sidang media khas di Parlimen, wakil rakyat itu berkata mereka berasa terpanggil untuk menjelaskan bahawa janji-janji pembangkang dalam belanjawan itu tidak langsung membela rakyat.

"Banyak perkiraan yang begitu mudah pun mereka (pembangkang) boleh salah. Janji mereka langsung tidak disertakan dengan sumber kewangan," kata Anggota Parlimen Kota Belud Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dilaporkan meminta kerajaan supaya tidak menunggu lebih lama untuk tampil menjelaskan kepada rakyat kelebihan Belanjawan 2013 yang dibentangkan kerajaan baru-baru ini berbanding belanjawan pembangkang itu.

Anggota Parlimen Hulu Selangor P.Kamalanathan berkata belanjawan pakatan pembangkang adalah tidak bertanggungjawab dan, berbeza dengan kerajaan, ia tidak memberi alternatif berhubung isu hutang negara.

Anggota Parlimen Ledang, Hamim Samuri berkata penjelasan perlu dibuat bagi menunjukkan kepada rakyat kaedah yang digunakan BN dalam mengurus tadbir ekonomi negara selain membuat perbandingan dengan apa yang ditawarkan pembangkang.

"Kita mahu rakyat tidak terus ditipu, mereka harus tahu realiti sebenar dan menilai sendiri sama ada belanjawan pembangkang menguntungkan atau melingkupkan negara," katanya.

Bagi Anggota Parlimen Maran Datuk Ismail Muttalib, belanjawan yang diketengahkan kerajaan BN adalah rasional dan mengikut kemampuan sebenar kerajaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701288>